

RUJ. KAMI (OUR REF.) :
RUJ. TUAN (YOUR REF.) : UMP/02.01/10.12/2 (18)

✍️ Februari 2010

Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Tuan/Puan,

PENANGGUHAN BAYARAN SEBAHAGIAN GANJARAN PERSARAAN PILIHAN

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian tuan/puan berhubung surat JPA/PEN(S)228/25/5-11(22) bertarikh 25 Januari 2010.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak Kerajaan telah membuat keputusan mengenai persaraan pilihan bagi anggota Sektor Awam (Perkhidmatan Awam atau Negeri / Pihak Berkuasa Berkanun atau Tempatan) akan diluluskan dengan syarat anggota bersetuju dibayar **20% daripada ganjaran persaraan yang diperolehi atau RM 10,000.00, tertakluk kepada mana yang lebih tinggi** ketika bersara, dan selebihnya akan dibayar pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Kerajaan kelak serta tidak melampaui tarikh anggota mencapai umur bersara wajib mengikut syarat pelantikan atau opsyen umur persaraan wajib.

3. Untuk makluman tuan/puan, syarat penangguhan ganjaran berkaitan dengan persaraan pilihan ini hanya terpakai bagi kelulusan persaraan pilihan pada dan **selepas 1 Februari 2010**. Semua persaraan pilihan yang telah diluluskan sebelum 1 Februari 2010 walaupun tarikh kuat kuasa persaraannya adalah selepas tarikh itu akan dibayar ganjaran sepenuhnya. Wang tunai sebagai Gantikan Cuti Rehat (GCR) dan pencen bulanan akan dibayar sepenuhnya mengikut peruntukan undang-undang pencen.

4. Maklumat lanjut berhubung perkara ini boleh didapati di laman web <http://www.ump.edu.my/pekeliling/pendaftar.htm> (Bahagian Pekeliling → Lain-lain).

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,


(HJ. MUSTAFA BIN IBRAHIM)
Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

s.k - Naib Canselor



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
 Aras 13, Blok C1, Kompleks C
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 62510 W.P. PUTRAJAYA
 MALAYSIA

Tel. : 03-88853001
 Faks : 03-88892187
 E-mel : ismail@jpa.gov.my
 Web : http://www.jpa.gov.my



Rujukan kami: **JPA/PEN(S)228/25/5 -11(22)**

Tarikh : 25 Januari 2010

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan/Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

Y.Bhg./Y.B. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PENANGGUHAN BAYARAN SEBAHAGIAN GANJARAN
 BERKAITAN PERSARAAN PILIHAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti sedia dimaklum, persaraan pilihan ialah suatu keistimewaan yang boleh dipertimbangkan bagi anggota sektor awam dengan mangambil kira kepentingan jabatan, kepentingan perkhidmatan serta keadaan kewangan negara. Sehubungan dengan ini, dengan mangambil kira keadaan kewangan negara semasa, Kerajaan telah memutuskan persaraan pilihan anggota Sektor Awam (iaitu pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan atau Negeri serta pekerja Pihak Berkuasa Berkanun atau Tempatan) akan diluluskan dengan syarat anggota bersetuju dibayar **20% daripada ganjaran atau RM10,000.00**, mengikut **mana yang lebih**, ketika bersara dan selebihnya akan dibayar pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Kerajaan, tidak melampaui tarikh anggota mencapai umur bersara wajib mengikut syarat pelantikan atau opsyen umur persaraan wajib. Walau bagaimanapun, wang tunai sebagai Gantian Cuti Rehat (GCR) dan pencen bulanan akan dibayar sepenuhnya mengikut peruntukan undang-undang pencen.

(Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung)
 "JPA PENERAJU PERKHIDMATAN AWAM"

PAK CINA
 Jabatan Setia Staf.
 4/28/01

Pn. Min
 ul. hsa
 dan wa
 9/28/01

3. Ganjaran yang dimaksudkan akan dibayar kepada pesara **selepas semua hutang piutangnya kepada Kerajaan telah dijelaskan**. Sekiranya ganjarannya didapati tidak mencukupi untuk menampung hutang piutang, maka baki hutang piutang akan ditolak dari GCR. Jika ganjaran dan GCR tidak mencukupi untuk menampung hutang piutang, bakinya akan ditolak dari pencen pesara sehingga selesai. Contoh pengiraan adalah seperti di **Lampiran A**.
4. Kelonggaran syarat di perenggan 2 boleh diberikan bagi persaraan pilihan yang dipohon atas sebab-sebab seperti di bawah tertakluk kepada ditunjukkan bukti bertulis mengenai sebab-sebab itu.
- (a) Rawatan perubatan diperlukan oleh anggota atau ahli keluarganya. (Berasaskan surat akuan bertulis oleh Pegawai Perubatan Kerajaan).
 - (b) Perbelanjaan pendidikan diperlukan bagi anggota atau ahli keluarga. (Berasaskan surat tawaran pengajian dan surat penerimaan pengajian dari institusi pendidikan).
 - (c) Anggota memerlukan kewangan bagi mengelakkan diri daripada tindakan kebangkrapan. (Berasaskan dokumen berkaitan tindakan undang-undang ke atas anggota).
5. Sekiranya anggota bersetuju dengan syarat bersara pilihan di atas, beliau hendaklah mengisi dan mengemukakan Surat Persetujuan/Permohonan Pengecualian Syarat Penangguhan Bayaran Sebahagian Ganjaran Berkaitan Persaraan Pilihan seperti di **Lampiran B**. Memandangkan kelulusan permohonan persaraan pilihan bagi pegawai perkhidmatan awam negeri dilakukan oleh Pihak Berkuasa Negeri, Surat Lampiran B bagi mereka hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dengan sesalinan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) ketika permohonan faedah persaraannya dihantar. Manakala permohonan pengecualian syarat penangguhan, sekiranya ada, hendaklah dicatatkan di atas surat yang sama untuk pertimbangan JPA.

6. Sekiranya pesara meninggal dunia sebelum menerima ganjaran sepenuhnya, baki ganjaran akan dibayar serta merta kepada orang tanggungannya seperti ditafsirkan di Peraturan 15(2), Peraturan-Peraturan Pencen 1980 atau Peraturan 13(2), Peraturan-Peraturan Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1990 iaitu :-

- (i) balu atau duda;
- (ii) anak;
- (iii) balu atau duda dan anak; atau
- (iv) ibu kepada anggota yang mati atau sekiranya ibu telah mati, bapa tanggungannya.

7. Sekiranya anggota ingin supaya baki ganjaran tersebut dibayar kepada selain daripada orang yang dinyatakan di **perenggan 6**, beliau hendaklah mengisi surat akuan seperti di **Lampiran C** (untuk pesara beragama Islam) atau **Lampiran D** (untuk pesara bukan beragama Islam). Surat akuan (Lampiran C atau D) hendaklah dikemukakan kepada JPA bersekali dengan dokumen permohonan faedah persaraannya.

8. Syarat penangguhan bayaran sepenuhnya ganjaran berkaitan dengan persaraan pilihan ini hanya terpakai bagi kelulusan persaraan pilihan **pada dan selepas 1 Februari 2010**. **Semua persaraan pilihan yang telah diluluskan sebelum 1 Februari 2010** walaupun tarikh kuat kuasa persaraannya adalah selepas tarikh itu akan dibayar ganjaran sepenuhnya.

9. Sebarang pertanyaan atau kemusykilan mengenai arahan ini boleh dikemukakan kepada pegawai yang berikut di Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA :

(a) Timbalan Pengarah Cawangan Operasi

☎ 03-8885 4005

✉ muniraha@jpa.gov.my

(b) Ketua Penolong Pengarah, Unit Pendaftaran dan Penyemakan

☎ 03-8885 4139

✉ rozida.zainol@jpa.gov.my

(c) Ketua Penolong Pengarah, Unit Prosesan Pencen Perkhidmatan Awam

☎ 03-8885 4138

✉ maslinda.haron@jpa.gov.my

(d) Ketua Penolong Pengarah, Unit Prosesan Pencen Badan Berkanun dan Pelbagai

☎ 03-8885 4137

✉ ezwin@jpa.gov.my

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

Lampiran A
[JPA/PEN(S)228/25/5 -11(22) perenggan 3]

Contoh Pengiraan Bayaran Sebahagian Ganjaran Berkaitan Persaraan Pilihan

Contoh 1 :

Ganjaran Sebenar : RM 112,000.00
Hutang Kerajaan : RM 16,000.00
Baki Ganjaran : RM 112,000.00 - RM16,000.00 = RM 96,000.00
Ganjaran akan dibayar : 20% x RM 96,000.00 = **RM 19,200.00**

Maka ganjaran yang dibayar ketika bersara adalah **RM 19,200.00** di mana jumlah tersebut adalah lebih daripada RM10,000.00.

Ganjaran selebihnya (RM 76,800.00) akan dibayar pada tarikh yang akan ditetapkan Kerajaan, tidak melampaui tarikh anggota mencapai umur bersara wajib mengikut pelantikan atau opsyen umur persaraan wajib.

Contoh 2 :

Ganjaran Sebenar : RM 112,000.00
GCR : RM 12,000.00
Hutang Kerajaan : RM 120,000.00

Oleh kerana ganjaran tidak mencukupi untuk menampung hutang, **maka akan ditolak keseluruhan ganjaran dan RM 8,000.00 daripada GCR.**

Contoh 3:

Ganjaran Sebenar : RM 112,000.00
GCR : RM 12,000.00
Hutang Kerajaan : RM 150,000.00

Oleh kerana ganjaran dan GCR (iaitu sejumlah RM 124,000.00) tidak mencukupi untuk menampung hutang, maka selepas ditolak keseluruhan ganjaran dan GCR, baki sebanyak RM 26,000.00 **akan dikutip secara berkala daripada pencen bulanan.**

Lampiran B

[JPA/PEN(S)228/25/5 -11(22); perenggan 5]

**Persetujuan / Permohonan Pengecualian
Syarat Penangguhan Bayaran Sebahagian Ganjaran Ganjaran
Berkaitan Persaraan Pilihan**

**Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Pasca Perkhidmatan
Aras 2-5, Blok C2, Kompleks C
62510 W.P Putrajaya**

Tuan,

**Persetujuan Penangguhan Sebahagian Bayaran Ganjaran
Berkaitan Permohonan Persaraan Pilihan /
Permohonan Pengecualian daripada Penangguhan Sebahagian Bayaran Ganjaran Berkaitan
Dengan Permohonan Persaraan Pilihan**

*Sekiranya permohonan persaraan pilihan saya diluluskan, saya bersetuju supaya dibayar sebahagian ganjaran iaitu sebanyak 20% atau RM 10,000.00, mengikut mana yang lebih. Jika ganjaran saya didapati tidak mencukupi untuk menampung hutang piutang, maka baki hutang piutang saya akan ditolak dari GCR sekiranya ada. Sekiranya ganjaran dan GCR tidak mencukupi untuk menampung hutang piutang saya, baki akan ditolak dari pencen saya sehingga selesai. Saya faham bahawa baki wang ganjaran akan dibayar pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Kerajaan, tidak melampaui tarikh anggota mencapai umur bersara wajib mengikut pelantikan atau opsyen umur persaraan wajib. Saya juga memahami bahawa pembayaran pencen bulanan di bawah peruntukan undang-undang pencen tidak akan ditangguhkan.

ATAU

*Saya memohon untuk dikecualikan daripada syarat ditangguhkan sebahagian bayaran ganjaran atas sebab _____

Bersama-sama ini dikepilkan bukti bertulis untuk menyokong sebab yang dinyatakan.

(Tandatangan)

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Tarikh :

* tandakan ✓ pada kotak yang berkaitan.

Lampiran C
[JPA/PEN(S)228/25/5 -11(22); perenggan 7]

SURAT AKUAN
(Untuk Anggota Beragama Islam)

Dengan ini, saya Nombor Kad Pengenalan bersetuju supaya baki wang ganjaran yang patut saya terima di bawah Akta Pencen 1980 (Akta 227) atau Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239) ketika bersara pilihan akan dibayar secara faraid sekiranya saya meninggal dunia sebelum saya menerima bayaran ganjaran sepenuhnya. Mereka yang saya lantik sebagai pemegang amanah untuk menguruskan agihan faraid adalah seperti berikut :

- (1) Nama : _____
 No. Kad Pengenalan : _____
 Alamat : _____
 No. Telefon : _____
- (2) Nama : _____
 No. Kad Pengenalan : _____
 Alamat : _____
 No. Telefon : _____

(Sila sediakan lampiran sekiranya ruangan di atas tidak mencukupi)

(Tandatangan Anggota)

Tarikh :

(Tandatangan Saksi*)

Nama :

Jawatan :

No. Kad Pengenalan :

Tarikh :

* Saksi hendaklah terdiri daripada anggota sektor awam dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan Pengurusan Tertinggi di Kementerian atau Jabatan Persekutuan/Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan/Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan.

Lampiran D
[JPA/PEN(S)228/25/5 -11(22); perenggan 7]

SURAT AKUAN
(Untuk Anggota Bukan Beragama Islam)

Dengan ini, saya Nombor Kad Pengenalan bersejua supaya baki wang ganjaran yang patut saya terima di bawah Akta Pencen 1980 (Akta 227) atau Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239) ketika bersara pilihan akan dibayar kepada penama di bawah sekiranya saya meninggal dunia sebelum saya menerima bayaran ganjaran sepenuhnya. Mereka yang akan dibayar adalah seperti berikut :

- (1) Nama : _____
 No. Kad Pengenalan : _____
 Alamat : _____

 No. Telefon : _____
- (2) Nama : _____
 No. Kad Pengenalan : _____
 Alamat : _____

 No. Telefon : _____

(Sila sediakan lampiran sekiranya ruangan di atas tidak mencukupi)

(Tandatangan Anggota)

Tarikh :

(Tandatangan Saksi*)

Nama :

Jawatan :

No. Kad Pengenalan :

Tarikh :

* Saksi hendaklah terdiri daripada anggota sektor awam dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan Pengurusan Tertinggi di Kementerian atau Jabatan Persekutuan/Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan/Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan.